



UCAPAN

**YB. DATUK DR. EWON EBIN
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**

SEMPENA RETREAT MOSTI

**28 FEBRUARI 2014 (KHAMIS)
HOTEL COPTHORNE, CAMERON HIGHLANDS**

[SALUTATIONS]

TERIMA KASIH TUAN PENGACARA MAJLIS

SALAM SEJAHTERA, SALAM 1MALAYSIA DAN SALAM
1 MOSTI

**YANG BERTHORMAT DATUK DR. ABU BAKAR
MOHAMAD DIAH**

TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN
INOVASI

**YANG BERBAHAGIA DATO' DR. ROSLI BIN
MOHAMED**

KETUA SETIAUSAHA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**YANG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD AZHAR HAJI
YAHAYA**

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (DASAR)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

**YANG BERBAHAGIA DR. ZULKIFLI MOHAMED
HASHIM**

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (SAINS)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI, PEGAWAI-
PEGAWAI KANAN MOSTI

DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG
SAYA HORMATI SEKALIAN.

PERTAMA SEKALI SAYA INGIN MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN SEMUA AHLI MESYUARAT PASCA KABINET YANG HADIR DI PROGRAM *RETREAT* MOSTI PADA HARI INI. BAGI SAYA, MASIH TIDAK TERLEWAT MENGADAKAN *RETREAT* INI MEMANDANGKAN KITA MASIH BERADA DI SUKU TAHUN PERTAMA TAHUN 2014, DI SAMPING ITU JUGA, KEBANYAKAN PROGRAM MOSTI RANCAK DIADAKAN BERMULA BULAN FEBRUARI INI. SAYA PERCAYA *RETREAT* INI AKAN DIJADIKAN PLATFORM BAGI MENILAI DAN MENGATUR LANGKAH-LANGKAH TERBAIK DALAM MENGHADAPI TAHUN 2014 DAN TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.

SAYA TIDAK BERHAJAT BERCAKAP PANJANG KERANA TELAHPUN MEMBERI AMANAT PADA MINGGU LALU.WALAU BAGAIMANAPUN, SAYA INGIN MENEKANKAN SEKALI LAGI BEBERAPA PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN KHUSUS SEMASA SESI RETREAT KALI INI.

SEJAK MENGAMBIL ALIH TUGAS SEBAGAI MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI PADA MEI 2013, SUKACITA SAYA MENYATAKAN BAHAWA SAYA BERPUAS HATI DENGAN PRESTASI,INISIATIF DAN PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN OLEH MOSTI. WALAUPUN BEGITU, SAYA PERCAYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN AKAN BERSETUJU APABILA SAYA MENYATAKAN HALA TUJU DAN STRATEGI YANG LEBIH PROAKTIF PERLU DIATUR DAN DILAKSANAKAN SUPAYA MOSTI AKAN TERUS CEMERLANG DALAM MENERAJU

PELAKSANAAN AGENDA SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI NEGARA. DI SAMPING ITU JUGA, SAYA AMAT BERHARAP SUPAYA INISIATIF DAN PROGRAM MOSTI LEBIH DIRASAI IMPAKNYA DAN *VISIBLE* KEPADA PELANGGAN, *STAKEHOLDERS* DAN RAKYAT.

HADIRIN SEKALIAN

TERIMA KASIH DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA SEMUA BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI DI BAWAH MOSTI YANG TELAH MEMBERIKAN KERJASAMA CEMERLANG SEHINGGA MENGHASILKAN PENCAPAIAN *KEY PERFORMANCE INDICATOR* ATAU K.P.I MOSTI YANG TELAH MELEBIHI DARI SASARAN YANG DITETAPKAN. PENCAPAIAN K.P.I MOSTI 132 PERATUS PADA TAHUN 2013 ADALAH AMAT MEMUASKAN. SAYA MENGAMBIL PELUANG INI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA SEMUA

PIHAK PENGURUSAN DAN WARGA MOSTI SERTA BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI DI BAWAH MOSTI YANG TELAH BEKERJASAMA SEHINGGA MENCAPAI KEJAYAAN K.P.I YANG CEMERLANG BERBANDING 123% DALAM TAHUN 2012. SAYA YAKIN KEJAYAAN INI AKAN BERTERUSAN PADA TAHUN 2014 DAN TAHUN-TAHUN BERIKUTNYA. PENCAPAIAN K.P.I MOSTI PADA 2013 INI MERUPAKAN YANG TERBAIK ANTARA KEMENTERIAN LAIN DAN MENDAPAT PUJIAN DARIPADA YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI SENDIRI. HARAPAN SAYA SUPAYA KECEMERLANGAN PENCAPAIAN K.P.I MOSTI INI DAPAT DIKEKALKAN PADA TAHUN 2014 DENGAN KERJASAMA SEMUA PIHAK.

HADIRIN SEKALIAN

DI SAMPING MENDOKONG PROGRAM YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN, MOSTI JUGA

MEMPUNYAI INISIATIF TERSENDIRI YANG BERTUJUAN MEREALISASIKAN OBJEKTIF MOSTI IAITU PENJANAAN ILMU, PENCIPTAAN KEKAYAAN DAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT. PERKARA DASAR YANG MENJADI TUNJANG SERTA PEMANGKIN KEPADA INISIATIF INI IALAH DASAR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI ATAU DSTIN YANG TELAH DILULUSKAN OLEH JEMAAH MENTERI PADA 27 MAC 2013.

DSTIN DIGUBAL UNTUK MEMASTIKAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI TERUS MENJADI ASAS KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA, MENJADI KOMPONEN SERTA FOKUS UTAMA DI DALAM AGENDA TRANSFORMASI NEGARA YANG TERMAKTUB DALAM PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN. DI SAMPING ITU JUGA, TERDAPAT DASAR-DASAR LAIN YANG SEDANG DIGUBAL DI MOSTI SEPERTI DASAR ANGKASA NEGARA

DANDASAR NANOTEKNOLOGI NEGARA INI, HENDAKLAH MENJURUS KE ARAH HALA TUJU DSTIN. SESUATU DASAR YANG BAIK HENDAKLAH MEMPUNYAI PELAN TINDAKAN YANG KOMPREHENSIF. HARAPAN SAYA SUPAYA DSTIN DAN PELAN TINDAKANNYA DAPAT DIMUKTAMADKAN DENGAN SEGERA SUPAYA DAPAT DI UMUMKAN SECEPAT MUNGKIN.

PADA TAHUN 2014 INI, SAYA INGIN MENARIK PERHATIAN SEMUA KEPADA PROGRAM UTAMA MOSTI IAITU TAHUN PENGKOMERSILAN MOSTI ATAU *MOSTI COMMERCIALISATION YEAR* 2014, SINONIM DIKENALI SEBAGAI MCY 2014. SEBAGAI SALAH SATU DARIPADA PROGRAM *FLAGSHIP* DASAR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI NEGARA INI, MCY 2014 YANG DILANCARKAN PADA 23 JANUARI 2014 LALU MERUPAKAN SALAH SATU INISIATIF PROAKTIF ATAU

THE WAY FORWARD YANG AKAN MELONJAK MOSTI KE TAHAP YANG LEBIH CEMERLANG.

SAYA YAKIN DENGAN MCY 2014, TRANSFORMASI MOSTI BERADA DI LANDASAN BETUL DAN AKAN MEMBANTU MENGANJAK MALAYSIA KE ARAH NEGARA MAJU SETERUSNYA KE ARAH PENCAPAIAN NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI, MAPAN DAN INKLUSIF MENJELANG 2020. SUDAH TENTU PERANAN JABATAN DAN AGENSI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN MERUPAKAN TUNJANG UTAMA DALAM MEREALISASIKAN TRANSFORMASI TERSEBUT. DI SINI SAYA MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH MOSTI DI ATAS USAHA DAN KERJASAMA DALAM MELAKSANAKAN MCY2014.

HADIRIN SEKALIAN

PELAKSANAAN MCY 2014 AKAN MENJADI *GAME CHANGER* SELARAS DENGAN TEMA MCY2014 SEBAGAI 'STI MENJANA KEKAYAAN'. SAYA YAKIN IA AKAN MEMBUKA PINTU KE ARAH TRANSFORMASI MELALUI TIGA (3) OBJEKTIF YANG TELAH DITETAPKAN IAITU:

- I. MENGKOMERSILKAN SEKURANG-KURANGNYA 60 PRODUK R&D SETAHUN
- II. MENYEDIAKAN SATU PLATFORM PENGKOMERSILAN TEKNOLOGI (TCP) YANG KOMPREHENSIF; DAN
- III. MENINGKATKAN KEMAMPUAN DAN KEUPAYAAN USAHAWAN TEKNO MELALUI PROGRAM-PROGRAM BERTERASKAN AKADEMIK, TEKNOLOGI, TEKNIKAL, GENERIK DAN KEUSAHAWANAN.

SEHUBUNGAN INI, BAGI SEBUAH NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA, PENCAPAIAN KADAR PENGKOMERSILAN PADA TAHAP 8% HARUS DIPERTINGKATKAN LAGI KHUSUSNYA DALAM MENINGKATKAN PULANGAN PELABURAN DANA AWAM MENERUSI AKTIVITI *RESEARCH, DEVELOPMENT AND COMERCIALISATION* ATAU R,D&C. SAYA BERHARAP PENGKOMERSILAN PRODUK R&D INI HARUS DIPERTINGKATKAN BUKAN SAHAJA DI PERINGKAT DOMESTIK, TETAPI HINGGA KE PERINGKAT GLOBAL, JUSTERU, USAHA-USAHA KE ARAH PENGKOMERSILAN INI HARUS DIRANCAKKAN.

SEHUBUNGAN DENGAN INI, PELAN TINDAKAN DASAR SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI NEGARA ATAU DSTINADALAH PENTING. DASAR YANG MERUPAKAN KESINAMBUNGAN KEPADA DASAR DAN STRATEGI YANG TELAH DILAKSANAKAN

SEBELUM INI SEPERTI DASAR SAINS DAN TEKNOLOGI NEGARA PERTAMA, 1986-1989 (DSTN I), DASAR PEMBANGUNAN TEKNOLOGI PERINDUSTRIAN: PELAN TINDAKAN KEBANGSAAN, 1990 - 2001 (TAP) SERTA DASAR SAINS DAN TEKNOLOGI NEGARA KEDUA (DSTN II) DAN PELAN TINDAKAN 2002-2010 AKAN MEMACU MALAYSIA KE ARAH SEBUAH NEGARA YANG LEBIH KOMPETITIF DAN CEKAP.

SUDAH TENTU PENCAPAIAN DAN PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN DASAR INI MEMERLUKAN KOMITMEN YANG TINGGI DARI SEMUA WARGA MOSTI. SAYA DIMAKLUMKAN USAHA TERSEBUT SEDANG DAN AKAN DILAKSANAKAN MELALUI PENDEKATAN PROGRAM *FLAGSHIP* YANG DIJANGKA AKAN MELONJAKKAN AGENDA STI SERTA MENJADI PEMANGKIN PERTUMBUHAN EKONOMI BAGI MENCAPAI WAWASAN 2020.

SELAIN DARIPADA MCY 2014 YANG MERUPAKAN SALAH SATU DARIPADA PROGRAM *FLAGSHIP* DI BAWAH DSTIN INI, TERDAPAT ENAM (6) PROGRAM *FLAGSHIP* LAIN YANG TELAH DIKENAL PASTI YANG AKAN DILAKSANAKAN OLEH JABATAN DAN AGENSI MOSTI PADA 2014. HARAPAN SAYA SUPAYA KESEMUA *FLAGSHIP* DI BAWAH DSTIN INI DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN SEGERA BAGI MEMBERI IMPAK KEPADA PEMBANGUNAN STI, DI SAMPING MENYUMBANG KEPADA AGENDA TRANSFORMASI NEGARA. TINDAKAN SUSULAN DAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN MCY 2014 DAN PROGRAM *FLAGSHIP* YANG LAIN INI HENDAKLAH DIBUAT SECARA AKTIF DAN BERTERUSAN BAGI MEMASTIKAN OBJEKTIFNYA TERCAPAI.

HADIRIN SEKALIAN

SEBAGAIMANA KITA MAKLUM, TAHUN 2014 INI MERUPAKAN TAHUN YANG MENCABAR UNTUK RAKYAT MALAYSIA. KENAIKAN HARGA MINYAK, BARANG, RUMAH DAN PENGURANGAN SUBSIDI SEPERTI GULA, ADALAH ANTARA CABARAN YANG SAYA MAKSUDKAN. PADA MASA YANG SAMA JUGA, SETIAP TAHUN NEGARA KITA MENGALAMI KEJADIAN BENCANA ALAM SEPERTI KEMARAU, KEKURANGAN BEKALAN AIR, JEREBU, BANJIR SERTA TANAH RUNTUH. BERKAITAN PERKARA TERSEBUT, RAKYAT MEMERLUKAN INISIATIF SERTA BANTUAN DARIPADA KERAJAAN BAGI MEMBANTU MENGURANGKAN

BEBAN, DI SAMPING DAPAT MENINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN HARIAN MEREKA.

CABARAN BAGI MOSTI IALAH BAGAIMANA MOSTI SEBAGAI *CHAMPION* DALAM SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI, DAPAT MEMBANTU RAKYAT DAN NEGARA DALAM MENGURANGKAN BEBANAN, DI SAMPING DAPAT MENINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN MEREKA. MARILAH KITA SAMA-SAMA MEMBERIKAN JALAN PENYELESAIAN DALAM MEWUJUDKAN INISIATIF, PROGRAM, AKTIVITI SERTA BANTUAN YANG BERSESUAIAN UNTUK DILAKSANAKAN SUPAYA RAKYAT MENDAPAT MANFAAT DARIPADA MOSTI KHUSUSNYA, DAN KERAJAAN AMNYA.

HADIRIN SEKALIAN

UNIT PERANCANG EKONOMI ATAU EPU SEDANG DALAM PROSES MENDAPATKAN INPUT BAGI PENYEDIAAN DOKUMEN RANCANGAN MALAYSIA KE-SEBELAS, 2016-2020. SAYA BERHARAP SUPAYA SEGALA INISIATIF DAN PROGRAM YANG DIPUTUSKAN PADA RANCANGAN MALAYSIA SEKARANG IAITU RANCANGAN MALAYSIA KE-SEPULUH DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA. TAHAP PEMBANGUNAN NEGARA YANG DIKECAPI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-SEPULUH INI ADALAH KRITIKAL KERANA IANYA DAPAT MEMBERI MOMENTUM DALAM MENERUSKAN

KESINAMBUNGAN PEMBANGUNAN NEGARA APABILA MENJANGKAU KE RANCANGAN MALAYSIA KE-SEBELAS KELAK.

BAGI RANCANGAN MALAYSIA KE-SEBELAS, HALATUJUNYA AMAT PENTING KERANA IANYA MERUPAKAN RANCANGAN MALAYSIA YANG TERAKHIR SEBELUM MALAYSIA MENJADI NEGARA MAJU MENJELANG TAHUN 2020. SAYA AMAT BERHARAP SUPAYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DAPAT MEMBERIKAN INPUT DAN SUMBANGAN TERHADAP HALA TUJU DAN SUMBANGAN DALAM ASPEK STI SEMASA PENYEDIAAN DOKUMEN RANCANGAN MALAYSIA KE-SEBELAS. INI PENTING DALAM MENYUMBANG KEPADA KEJAYAAN PELAKSANAAN PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) DAN PROGRAM TRANSFORMASI

EKONOMI (ETP). OLEH KERANA SUMBER KEWANGAN KERAJAAN YANG TERHAD, RANCANGAN MALAYSIA KE-SEBELAS INI HENDAKLAH BERPANDUKAN KEPADA *PRIVATE SECTOR LED ECONOMICGROWTH AND GOVERNMENT TO FACILITATE* SERTA MENGGUNAKAN SEGALA SUMBER SEMASA YANG KITA ADA SECARA OPTIMUM.

HADIRIN SEKALIAN

DALAM USAHA KERAJAAN UNTUK MENGURANGKAN PERBELANJAAN AWAM, SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERBAHAGIA DATO' DR. KSU KERANA MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENGELUARKAN SATU PANDUAN BERTAJUK 'ARAHAN PEGAWAI PENGAWAL MOSTI 2014' PADA 8 JANUARI YANG LALU KEPADA SEMUA BAHAGIAN DAN JABATAN DI BAWAH MOSTI. SAYA BERHARAP,

HADIRIN SEKALIAN DAPAT MENJADIKAN DOKUMEN INI SEBAGAI GARIS PANDUAN UNTUK MEMASTIKAN PENGURUSAN KEWANGAN SENTIASA TERATUR DAN TURUT MERANGKUMI LANGKAH-LANGKAH PERBELANJAAN BERHEMAT DI PERINGKAT MOSTI SERTA JABATAN, BAHAGIAN, MAHUPUN AGENSI DI BAWAHNYA. ELAKKAN SEBARANG PEMBAZIRAN DAN CUBA AMALKAN BUDAYA PENJIMATAN INI BUKAN SAHAJA DIAPLIKASIKAN DI PEJABAT, TETAPI KITA BOLEH TERAPKANNYA JUGA DI RUMAH BERSAMA AHLI KELUARGA KITA.

HADIRIN SEKALIAN

SELAIN DARIPADA ITU, TERDAPAT JUGA PERKARA-PERKARA YANG PERLU DISELESAIKAN SEGERA ANTARANYA PENUBUHAN LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA ATAU MBOT, PENUBUHAN AKADEMI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN ATAU ASAH DAN PENUBUHAN *NATIONAL INSTITUTE OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA* ATAU NIBM. HARAPAN SAYA IALAH SEMUA PERKARA YANG TERTANGGUH INI DAPAT DISELESAIKAN DENGAN KEPIMPINAN YANG BERBAHAGIA DATO' DR. KSU DAN KERJASAMA SEMUA BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI SUPAYA PERKARA TERSEBUT DAPAT

DIREALISASIKAN DAN DAPAT MEMBERIKAN MANFAAT DAN NILAI TAMBAH KEPADA *STAKEHOLDERS* MASING-MASING.

SAYA JUGA BERHARAP SUPAYA PROSES DAN PROSEDUR DI MOSTI INI DIRINGKAS DAN DIPERMUDAHKAN BAGI MENGURANGKAN BIROKRASI, MEMPERCEPATKAN SERTA MEMUDAHKAN AKSES ORANG RAMAI MENDAPATKAN PERKHIDMATAN DI MOSTI. INI SUPAYA TAHAP PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK, BERKESAN, CEKAP DAN TELUS YANG SENTIASA MEMENUHI ASPIRASI RAKYAT SENTIASA DICAPAI.

TERIMA KASIH SEKALI LAGI, SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA PENGANJUR DAN URUS SETIA YANG TELAH MENJAYAKAN RETREAT INI DAN SAYA MENGHARAPKAN SUPAYA HADIRIN SEMUA AKTIF DALAM MEMBERIKAN IDEA DAN INPUT SEPANJANG RETREAT INI. CUACA NYAMAN DAN PEMANDANGAN YANG INDAH DI CAMERON HIGHLAND INI SEPERTI UCAPAN YANG BERBAHAGIA DATO' DR. KSU TADI DI HARAP DAPAT MEMUDAHKAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN MENJANA IDEA DAN MEMBERIKAN INPUT. INI KERANA INPUT TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN PENTING DALAM MENENTUKAN SERTA MENJAYAKAN HALA TUJU STRATEGIK MOSTI DAN STI NEGARA.

AKHIR SEKALI, KERJASAMA BIJAK ATAU *SMART COLLABORATION* MERUPAKAN INTIPATI PENTING DALAM KEJAYAAN SESEBUAH ORGANISASI. SAYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DAN SYABAS KEPADA JALINAN KUKUH SESAMA JABATAN DAN AGENSI MOSTI SERTA RAKAN STRATEGIK. SAYA JUGA MENYERU SUPAYA KERJASAMA INI DILONJAK KE TAHAP YANG LEBIH TINGGIBAGI MEMPERTINGKATKAN PERANCANGAN AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2014 DAN SETERUSNYA. SAYA YAKIN DENGAN PERANCANGAN YANG RAPI DAN USAHA BERSEPADU SEMUA PIHAK, MOSTI AKAN MELANGKAH KE HADAPAN SEBAGAI PENERAJU STI YANG UNGGUL.

SAYA AMAT BERHARAP SEMOGA MOSTI SENTIASA BERJAYA DAN DIKENALI DI PERINGKAT NASIONAL DAN ANTARABANGSA.

DENGAN ITU, SAYA AKHIRI UCAPAN SAYA INI DENGAN TERIMA KASIH.